

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Latar Belakang Masalah Kajian

Di Indonesia, terdapat beberapa sistem berkenaan hukum pusaka iaitu Hukum Pusaka Adat, Hukum Pusaka Berdasarkan Kitab Undang-undang Hukum Perdata (KUHP), Hukum Pusaka Islam, serta Hukum Pusaka mengikut Mazhab Hazairin. Sehingga kini, penyelarasan berkenaan masalah pusaka di Indonesia masih tidak dapat dilakukan. Ini disebabkan bentuk dan sistem hukum pusaka sangat rapat kaitannya dengan sistem masyarakat dan kekeluargaan, dan sistem kekeluargaan masyarakat Indonesia pula adalah berasaskan sistem dan susur galur keturunan.<sup>1</sup>

Dari beberapa sistem hukum pusaka yang merupakan sebahagian daripada hukum persendirian dan kekeluargaan, secara umumnya ia berasaskan kepada sistem susur galur keturunan. Secara teorinya, sistem keturunan dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu:

a. *Sistem patrilineal*

Iaitu sistem keturunan dari sebelah ayah, di mana kedudukan lelaki lebih kuat pengaruhnya berbanding kedudukan wanita di dalam pewarisan (seperti di Batak, Lampung, Nusa Tenggara, dan Irian)

b. *Sistem matrilineal*

Iaitu sistem keturunan dari sebelah ibu, di mana kedudukan wanita lebih kuat pengaruhnya berbanding kedudukan lelaki dalam pewarisan (seperti di Minangkabau)

c. *Sistem Parental atau Bilateral*

---

<sup>1</sup> Eman Suparman (2007), *Hukum Waris Indonesia dalam Perspektif Islam: Adat dan BW*, Bandung: PT Refika Aditama, h. 5

Iaitu sistem keturunan dari sebelah orang tua atau mengikut kedua-dua belah (ayah dan ibu), di mana kedudukan lelaki dan perempuan tidak dibezakan dalam pewarisan (seperti di Aceh, Sumatra, Riau, Jawa, Kalimantan, Sulawesi).<sup>2</sup>

Dari perbezaan ketiga-tiga jenis sistem keturunan tersebut, jelas menunjukkan bahawa hukum pusaka yang ada di Indonesia adalah bersifat pluralisme. Selain daripada itu, sistem waris adat yang ada juga adalah beraneka jenis serta memiliki corak dan sifat-sifat tersendiri, sesuai dengan sistem kekerabatan sesuatu masyarakat adat tersebut.<sup>3</sup>

Hukum pusaka adat ada yang bercorak *patrilinial*, *matrilinial* dan juga *bilateral*. Ini menunjukkan adanya perbezaan hukum pusaka adat antara daerah berlainan yang berkaitan dengan sistem kekeluargaan dengan jenis serta status harta yang diwariskan. Dari ketiga-tiga sistem di atas, siapakah sebenarnya yang berhak tampil sebagai ahli waris dan berhak mewarisi harta pusaka yang telah ditinggalkan? Secara sepintas lalu, didapati bahawa dalam bentuk masyarakat *patrilinial*, hanya lelaki sahaja atau keturunan lelaki sahaja yang berhak tampil sebagai ahli waris. Sedangkan dalam bentuk masyarakat *matrilinial*, hanya wanita sahaja yang berhak tampil sebagai ahli waris. Dalam bentuk masyarakat *parental* atau *bilateral* pula, pada prinsipnya lelaki mahupun wanita berhak tampil sebagai ahli waris yang dapat mewarisi peninggalan ibu ayahnya dan juga saudara-saudaranya sama ada saudara lelaki ataupun saudara perempuan.<sup>4</sup>

Pada dasarnya, hukum pusaka Islam adalah tertakluk untuk semua umat Islam di mana sahaja di dunia ini. Hukum ini telah digariskan oleh Allah di dalam al-Qur'an

---

<sup>2</sup> Hilman Hadi Kusuma (2003) *Hukum Waris Adat*. Bandung: PT Citra Aditya Bakti, h. 23

<sup>3</sup> Eman Suparman, *op.cit*, h. 6

<sup>4</sup> Bushar Muhammad (1995), *Pokok-pokok Hukum Adat*, Jakarta: Pradnya Pratama, h. 41-45

untuk penentuan hukum yang mengatur pembahagian harta kekayaan yang dimiliki seseorang setelah ia meninggal dunia. Sistem pusaka dalam Islam terdiri daripada beberapa mazhab. Di antaranya yang sering digunapakai dalam masyarakat adalah hukum pusaka Ahlussunnah (Mazhab Shāfi'ī, Mālikī, Ḥanbalī dan Ḥanafī). Di antara empat mazhab ini, yang paling banyak diikuti adalah mazhab Shāfi'ī.<sup>5</sup>

Ajaran Hazairin diperkenalkan oleh Prof. Dr. Hazairin Alamsyah Harahap, SH. Sehingga kini, pengaruh Dr. Hazairin terhadap perkembangan hukum Islam di Indonesia adalah cukup besar, di mana beliau telah membangunkan satu bentuk “Mazhab Nasional” dalam erti “Mazhab” sebagai pengertian yang sebenar bersandar kepada al-Qur'an dan Sunnah dan “Nasional” yakni Indonesia, dengan maksud agar hukum Islam di Indonesia menjadi mudah untuk dilaksanakan oleh umatnya.<sup>6</sup> Ajaran ini mulai berkembang dan berpengaruh di Indonesia sejak tahun 1950, di mana ajaran yang terakhir ini lebih mengarah kepada sistem *bilateral*. Ajaran ini merupakan satu ijtihad Hazairin dalam menghuraikan hukum pusaka dalam al-Qur'an secara *bilateral* dengan memberi tafsiran baru pada Surah al-Nisa ayat 33.

وَلِكُلِّ جَعَلْنَا مَوَالِي مِمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ<sup>٥</sup> وَالَّذِينَ عَقَدَتْ  
أَيْمَانُكُمْ فَعَاتُوهُمْ نَصِيْبَهُمْ<sup>٦</sup> إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدًا ﴿٣٣﴾

Maksudnya: “Bagi tiap-tiap harta peninggalan dari harta yang ditinggalkan ibu bapa dan kaum kerabat, Kami jadikan pewaris pewarisnya...”

dengan memberi maksud perkataan ‘*mawali*’ dalam ayat tersebut sebagai ahli waris pengganti.<sup>7</sup>

<sup>5</sup> Idris Ramulyo (2004), *Perbandingan Hukum Kewarisan Islam dengan Kewarisan Kitab Undang-undang Hukum Perdata*, Jakarta: Sinar Grafika, h. 1

<sup>6</sup> <http://hub.iibn.info/files/disk1/12/hubptai-gdl-abubakar-590-1-prof.dr-.pdf>, Prof. Dr. Hazairin, SH dan *Pemikiran Hukum Kewarisan Bilateral*. 10/9/2008.

<sup>7</sup> Prof. Dr. Hazairin S.H (1982), *Hukum Kewarisan Menurut al-Qur'an dan Hadis*, Jakarta: Tinta Mas, h. 29.

Di Indonesia, hakikatnya pelaksanaan hukum pusaka berdasarkan kitab undang-undang hukum perdata secara amnya adalah kepada golongan tertentu sahaja. Berdasarkan Fasal 131 jo, Fasal 163, berdasarkan staatsblad 1917 no 129, dan berdasarkan staatsblad no 557, hukum pusaka tersebut hanya berlaku untuk:

- a. Golongan orang Eropah, dan mereka yang disamakan dengan golongan tersebut
- b. Golongan orang-orang timur asing Tionghoa
- c. Golongan lainnya dan orang-orang bumiputera yang menundukkan diri.<sup>8</sup>

Daripada beberapa huraian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa hukum pusaka di Indonesia dalam aplikasinya dilaksanakan mengikut kebiasaan daerah masing-masing sama ada secara adat, kekeluargaan, kitab undang-undang negara mahupun Islam. Dalam kajian ini, pengkaji akan memberikan tumpuan kepada masyarakat Muslim Kecamatan Babat dalam melaksanakan pembahagian harta pusaka.

Kecamatan Babat yang menjadi objek kajian lapangan kepada pengkajian disertasi ini adalah merupakan satu di antara 27 Kecamatan yang ada di Kabupaten Lamongan provinsi Jawa Timur yang terletak di sepanjang jalan jurusan Jakarta, Surabaya, dan mempunyai lokasi yang strategik kerana kedudukannya di persimpangan berdekatan kota :

Selatan : Jombang  
Barat : Bojonegoro  
Timur : Lamongan/Surabaya  
Utara : Tuban

---

<sup>8</sup> Suraini Ahlan Sjarif *et al.* (2005), *Hukum Kewarisan Perdata Barat*, Jakarta:Prenada Media, h.8.

Dengan keluasan wilayah + 6.375,475 Ha., dengan penduduk + 85.163 orang yang terdiri daripada 418.59 lelaki dan 43.304 perempuan, dan terdiri dari 18.388 ketua keluarga yang terbahagi menjadi 21 desa, Kecamatan Babat mempunyai ketinggian 7 meter dari permukaan laut, dengan suhu antara 25°C – 30°C. Sukatan hujan pula adalah kira-kira 1659 mm/th. Pusat pemerintahan Kecamatan berkedudukan di Babat yang berjarak 30 km dari Pusat Pemerintahan Kabupaten Lamongan. Majoriti penduduk desa tersebut adalah penduduk asli, hanya sebahagian kecil saja merupakan pendatang dari daerah lain. Di Kecamatan Babat, terdapat sistem pendidikan kerajaan dan swasta. Pendidikan swasta antaranya adalah seperti pondok pesantren yang mana jumlahnya adalah sebanyak 9 pondok. Sedangkan sistem pendidikan formal di Kecamatan Babat adalah sepertimana berikut:

SDN (Sekolah Rendah Kebangsaan) 36 sekolah

MI (Sekolah Rendah Agama) 30 sekolah

SLTP (PMR) 9 sekolah

SLTA (SPM) 8 sekolah<sup>9</sup>

Manakala jumlah penduduk mengikut tahap pendidikan dapat dilihat pada jadual di bawah ini:

Jadual 1.1 Jumlah Penduduk Mengikut Tahap Pendidikan

No	Jenis Pendidikan	Jumlah Jiwa
1	Belum bersekolah	1250
2	Tadika	1500
3	SD	23190
4	SLTP	18695

<sup>9</sup> Data Monografi Kecamatan Babat Kabupaten Lamongan, h.14.

5	SLTA	18185
6	PERGURUAN TINGGI	1425
	Jumlah	64.245

Sumber data: Kecamatan Babat Disember 2010

Penduduk kecamatan Babat sebahagian besarnya menganut agama Islam dan sebahagian kecil pula adalah Kristian Protestan dan Katolik. Untuk melengkapinya prasarana, kecamatan Babat memiliki beberapa tempat ibadat.

- a. Masjid 77 buah
- b. Surau 282 buah
- c. Gereja 3 buah<sup>10</sup>

Jadual 1.2 Jumlah Penduduk Kecamatan Babat Mengikut Pemeluk Agama

No	Desa	jumlah	Kristian Protestan	Kristian Katolik	Hindu	Budha	Islam
1	Sambangan	1.702					1.702
2	Bulumargi	3.611					3.611
3	Kuripan	3.259					3.259
4	Gendongkulon	3.558					3.558
5	Pucakwangi	2.003					2.003
6	Karangkembang	3.982					3.982
7	Banaran	4.259					4.182
8	Babat	13.209	426	77			12.706
9	Sogo	2.051					2.051

<sup>10</sup> *Ibid.*, h. 17.

10	Bedahan	2.723					2.723
11	Plaosan	3.314		13			3.301
12	Sumurgenuk	3.773		11			3.762
13	Datinawong	5.232					5.232
14	Patihan	2.463					2.463
15	Keyongan	2.763					2.763
16	Kebonagung	1.580					1.580
17	Tritunggal	4.389	4				4.385
18	Moropelang	4.362					4.362
19	Kebalandono	3.787	2				3.785
20	Gembong	4.225					4.225
21	Kebalanpelang	2.404					2.404
22	Trepan	2.403					2.403
23	Truni	2.434					2.434
	Jumlah	83.666	432	101			83.133

Sumber data: Kecamatan Babat Desember 2010

Sebahagian besar sumber ekonomi masyarakat kecamatan Babat adalah sebagai petani kerana sebahagian besar Kecamatan Babat merupakan wilayah pertanian di mana hampir 70 peratus merupakan sawah tadahan hujan. Hanya sebahagian kecil yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan, peniaga, pembuat karangkraf dan lain-lain. Dalam melaksanakan pekerjaan pertanian ini, antara mereka ada yang mengolah tanah pertaniannya untuk dibuat kebun kering (tegalan), terutama mereka yang hidup di kawasan pergunungan. Sedangkan yang lainnya, iaitu yang tinggal di daerah-daerah yang lebih rendah pula mengolah tanah-tanah pertanian tersebut untuk dijadikan sawah. Biasanya, di samping tanaman padi terdapat beberapa jenis tanaman palawija (tanaman

yang menjadi selingan padi sawah) juga diusahakan baik sebagai tanaman utama di tegalan mahupun sebagai tanaman selingan di sawah pada waktu musim kemarau, di mana air sangat kurang untuk pengairan sawah-sawah tersebut. Tanaman selingan tersebut, di antaranya adalah ubi, ketela, kacang soya, kacang tanah, kacang panjang, dan lain-lain.<sup>11</sup>

Secara terperinci sumber ekonomi masyarakat Babat dapat dilihat dalam jadual di bawah ini;

Jadual 1.3 Sumber Kewangan Masyarakat Babat

No	Jenis pekerjaan	Jumlah jiwa
1	Petani	
	Petani pemilik tanah	11250 orang
	Petani penggarap tanah	10850 orang
	Buruh tani	4640 orang
2	Nelayan	-
3	Pengusaha	205 orang
4	Pengrajin	85 orang
5	Buruh industry	1100 orang
6	Buruh bangunan	1050 orang
7	Buruh pertambangan	75 orang
8	Pedagang	8550 orang
9	Pengangkutan	75 orang
10	Pegawai negeri sipil (kaki tangan kerajaan)	875 orang
11	ABRI (tentera)	202 orang

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 24.



12	Peternak	2342 orang
	Jumlah	41299 orang

Sumber data: Kecamatan Babat Desember 2010

Masyarakat Babat sebagaimana masyarakat Jawa secara amnya mengikut sistem kekerabatan *parental* atau *bilateral*. Sistem ini adalah dari dua susur galur keturunan iaitu keturunan sebelah bapa dan ibu, sehingga memberikan implikasi bahawa kedudukan lelaki dan perempuan dalam pewarisan harta pusaka adalah sama dan seimbang.

Adapun asas yang biasa diguna pakai adalah mengikut asas individual, kerana sistem kekerabatannya adalah mengikut sistem *parental* atau *bilateral*. Sistem ini mengharuskan setiap ahli waris untuk mendapatkan bahagian masing-masing untuk dapat memiliki harta dan menguasai harta tersebut.

Adalah sangat menarik untuk dikaji sejauh mana mereka melaksanakan pembahagian pusaka secara Islam di kalangan masyarakatnya yang majoritinya adalah beragama Islam. Selain itu, kesan-kesan positif daripada aplikasi pembahagian pusaka secara Islam terhadap keadaan masyarakat, atau perubahan moral masyarakat terutamanya dalam hal membanteras (atau paling tidak meminimakan pertelingkahan dan permusuhan yang berlaku kerana perebutan harta peninggalan) adalah sangat menarik untuk diperhalusi.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Di Indonesia yang mana majoriti penduduknya beragama Islam, ada beberapa sistem pewarisan yang diaplikasikan. Sebagaimana telah dijelaskan oleh pengkaji di

bahagian latar belakang kajian, sistem yang pertama adalah Hukum Adat. Kedua pula adalah sistem pewarisan Islam yang muncul seiring dengan meluasnya penyebaran agama Islam di Indonesia, dan yang ketiga pula adalah sistem pewarisan KUHP. Ketiga-tiga sistem hukum pewarisan ini mempunyai coraknya yang tersendiri.

Melihat kenyataan yang telah pengkaji huraikan di atas, maka permasalahan ini secara terperinci dapat dirumuskan sebagai berikut:

1. Bagaimanakah kedudukan hukum pusaka Islam di Indonesia?
2. Sejauh manakah pelaksanaan hukum pusaka Islam di Pengadilan Agama?
3. Bagaimanakah keadaan masyarakat Kecamatan Babat dalam hal pembahagian harta peninggalan terutamanya dalam penerapannya terhadap hukum pusaka Islam?
4. Bagaimanakah bentuk hukum pusaka adat yang diguna pakai oleh masyarakat Muslim Kecamatan Babat?
5. Sejauh manakah pengaruh pemikiran Hazairin dalam masyarakat Muslim Kecamatan Babat?

### **1.3 Objektif Kajian**

Adapun beberapa tujuan yang ingin dicapai dari kajian ini adalah:

1. Untuk menjelaskan kedudukan hukum pusaka Islam di Indonesia.
2. Untuk mengenalpasti fungsi peradilan agama dalam menguruskan hukum pusaka.
3. Untuk mengenalpasti cara pembahagian pusaka mengikut hukum pusaka Adat yang diamalkan masyarakat Muslim Kecamatan Babat.
4. Untuk mengenalpasti sejauhmana masyarakat mengikut sistem pembahagian pusaka Islam.
5. Untuk mengenalpasti pengaruh pemikiran Hazairin dalam masyarakat Muslim Kecamatan Babat.

#### 1.4 Kajian Literatur

Tajuk mengenai pembahagian harta pusaka sangat penting kerana ia berkaitan dengan pembahagian harta, sehingga rumusan-rumusannya dijadikan undang-undang di beberapa negara majoriti Muslim. Sudah tentu pelbagai jenis kajian telah ditulis tentangnya sama ada yang berhubungkait dengan kepentingannya atau cara pembahagiannya. Dalam pada itu, pengkaji telah melakukan kajian terdahulu terhadap buku-buku berkenaan. Di antaranya:

“*HUKUM KEWARISAN ISLAM DI INDONESIA*” karya Sajuti Tholib, SH. Dalam tulisan mengenai Hukum Kewarisan di Indonesia ini, ia mencerminkan kehendak pengkaji untuk memperlihatkan bahawasanya Hukum Kewarisan Islam pada dasarnya berlaku untuk umat Islam walau di manapun mereka berada. Sungguhpun corak suatu daerah dan kehidupan masyarakat di daerah tersebut sedikit sebanyak memberi kesan kepada hukum pusaka, namun pengaruh tersebut dapat diaplikasikan pada bahagian-bahagian yang berasal daripada Ijtihad atau pendapat ahli-ahli hukum Islam itu sendiri. Dasar asas dari semuanya adalah Hukum Pusaka Islam yang telah dijelaskan dalam al-Qur’an dan sunnah Rasul. Kemudian diterapkan kepada masyarakat Indonesia yang memiliki susunan bukan *patrilineal*, tetapi adalah masyarakat *bilateral* dengan tetap berpegang kepada ayat-ayat al-Qur’an dan Sunnah Rasul.<sup>12</sup>

Kajian ini masih bersifat umum dan permasalahan yang dibahaskan hanya bercorak teoritikal, jadi masih perlu adanya kajian yang lebih komprehensif dan aplikatif. Penulis cuba melengkapinya dengan kekurangan tersebut.

---

<sup>12</sup> Sajuti Thalib, (1993), *Hukum Kewarisan Islam Di Indonesia*, Jakarta: Sinar Grafika

“PENERAPAN HUKUM WARIS ISLAM SECARA ADIL” karya Dr. Afdol, S.H., M.S. Di bahagian awal buku, penulis menjelaskan apa sahaja fungsi harta kekayaan, apa itu hukum *faraid* (hukum waris islam), dan dalil-dalil yang dijadikan panduan. Selain itu, penulis buku ini juga menyebutkan persengketaan waris boleh berlaku kerana ada pihak yang berniat kurang baik, atau kurangnya kefahaman dalam membahagikan harta warisan secara adil menurut hukum waris Islam. Soal ini sebenarnya bukan hanya belum difahami oleh masyarakat umum, malah ia juga belum difahami sepenuhnya oleh para sarjana dan dalam pengamalan hukum juga masih berbeza pemahaman dan tahap pengetahuannya.<sup>13</sup>

Kajian ini membahaskan berkenaan masalah tahap kefahaman masyarakat Muslim secara am terhadap pengetahuan ilmu pusaka mempusakai dan penerapannya dalam pembahagian harta pusaka tersebut. Manakala disertasi yang dikaji oleh pengkaji ini akan membahaskan tentang penerapan di kalangan masyarakat Kecamatan Babat secara khusus.

Prof. Dr Hazairin S.H. dalam bukunya “Hukum Kewarisan Bilateral menurut Qur’an dan Hadis” ada menyatakan bahawa sistem kekeluargaan mengikut al-Qur’an adalah *bilateral*. Surah 4:11 menjadikan semua anak sama ada lelaki mahupun perempuan menjadi ahli waris bagi orang tuanya. Ini adalah sistem *bilateral* kerana dalam sistem *patrilineal*, hanya anak lelaki yang boleh mewarisi, sedangkan dalam sistem *matrilineal*, anak-anak hanya mewarisi dari ibunya dan bukan dari bapanya. Kemudian, Surah 4:12 dan 176 menjadikan saudara ahli waris bagi saudaranya yang mati tanpa meninggalkan zuriat sama ada si mati itu lelaki ataupun perempuan, demikian juga sama ada saudara yang mewarisi itu lelaki ataupun perempuan. Ini adalah

---

<sup>13</sup> Dr. Afdol, S.H., M.S. (t.t), *Penerapan Hukum Waris Islam Secara Adil*, Surabaya: Airlangga University Press.

sistem *bilateral* kerana dalam sistem *patrilineal*, hanya saudara lelaki yang boleh mewarisi dan harus satu golongan. Sedangkan dalam sistem *matrilinial* juga, harus satu golongan dengan si waris barulah dibolehkan untuk saudara lelaki dan saudara perempuan menjadi ahli waris. Beliau juga mengatakan bahawa sistem kewarisan menurut al-Qur'an adalah individual bilateral. Dalam Surah 4:7, 33 mengandungi prinsip-prinsip sistem pusaka individual iaitu ada ahli waris yang masing-masing berhak atas suatu bahagian yang pasti dan bahagian-bahagian itu wajib diberikan pada mereka. Sedangkan Surah 4:11, 12 dan juga 176 menentukan bahagian-bahagian masing-masing ahli waris.<sup>14</sup>

Pandangan Hazairin berkenaan harta pusaka merupakan salah satu perbahasan dalam penulisan disertasi ini. Oleh itu, pengkaji perlu melakukan kajian menyeluruh terhadap karya-karyanya. Buku di atas merupakan salah satu karya beliau yang menarik minat penulis untuk dijadikan bahan utama.

“UNDANG-UNDANG PUSAKA ISLAM PELAKSANAAN DI MALAYSIA” telah dibahaskan oleh Muhammad Zamro Muda dan Muhammad Ridzwan Awang. Di Malaysia, pembahagian harta pusaka yang melibatkan si mati beragama Islam adalah mengikut undang-undang pusaka Islam (*faraid*), kecuali jika waris-waris bersetuju untuk menyelesaikan pembahagian harta pusaka tersebut secara muafakat. Dan pembahagian secara muafakat ini hendaklah mendapat persetujuan dari semua waris yang telah diberikan secara sah mengikut hukum syarak. Dalam hal pentadbiran harta pusaka orang Islam di negara Malaysia, harta pusaka dibahagikan menjadi tiga jenis, sama ada berasaskan pada nilai keseluruhan harta pusaka itu atau jenis aset yang ditinggalkan oleh si mati iaitu: harta pusaka kecil, harta ringkas dan harta pusaka besar.

---

<sup>14</sup> Prof. Dr. Hazairin S.H (1982), *Hukum Kewarisan Menurut al-Qur'an Dan Hadis*, Jakarta: Tinta Mas.

Dari segi pentadbiran, Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa pentadbiran terhadap harta pusaka orang Islam. Mahkamah Syariah negeri-negeri mempunyai kuasa untuk menentukan waris-waris yang berhak dan saham yang sepatutnya mereka terima dalam harta pusaka tersebut iaitu dalam bentuk perakuan waris atau sijil *faraid*. Disamping itu, Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa yang agak terhad dan terbatas. Sehingga kadang kala, ada kes-kes yang melibatkan harta pusaka orang Islam boleh dituntut dan diselesaikan di Mahkamah Tinggi Sivil, teutamanya harta pusaka besar dan harta pusaka ringkas.<sup>15</sup>

Buku di atas sedikit sebanyak dapat memberikan gambaran kepada penulis bagi mengetahui peruntukan undang-undang hukum pusaka Islam di Malaysia, ianya dapat di jadikan bahan kajian perbandingan yang sangat bermanfaat.

“*AHLI WARIS PENGGANTI DALAM TINJAUAN LEGAL JUSTICE*” telah dibincangkan oleh H. Ahmad. Beliau menyatakan bahawa salah satu konsep pembaharuan Hukum Kewarisan Islam Indonesia dalam Kompilasi Hukum Islam (KHI) adalah diberikannya hak seorang ahli waris yang telah meninggal dunia kepada keturunannya yang masih hidup. Aturan ini tercantum dalam Pasal 185 KHI yang berbunyi sebagaimana berikut: Ahli waris yang meninggal dunia terlebih dahulu daripada si pewaris, maka kedudukannya dapat digantikan oleh anaknya, kecuali mereka yang tersebut dalam Pasal 173. Dan bahagian ahli waris pengganti tidak boleh melebihi dari bahagian ahli waris yang sederajat dengan yang diganti. Mengganti kedudukan orang tua yang meninggal dunia tersebut selanjutnya disebut ahli waris pengganti. Ketentuan tersebut tidak dijumpai dalam fekah empat mazhab, akan tetapi ia merupakan ambilan dari hukum pusaka Islam Pakistan, di mana ahli waris pengganti itu

---

<sup>15</sup> Muhammad Zamro Muda dan Muhammad Ridzwan Awang (2006), *Undang-undang Pusaka Islam Pelaksanaan di Malaysia*, Bangi: Syarikat Percetakan Putrajaya SDN.BHD.

hanyalah cucu sahaja. Akan tetapi, pada hakikatnya ahli waris pengganti ini bukan hanya cucu bahkan isteri juga boleh menjadi ahli waris pengganti.<sup>16</sup>

Kajian ini dapat menambah pengetahuan penulis dalam penulisan tentang hukum pusaka mengikut pandangan Hazairin. Kerana beliau adalah orang pertama yang mengenalkan ahli waris pengganti.

Begitu pula dengan buku bertajuk “*HUKUM KEWARISAN ADAT*” karya Prof. H. Hilmanhadi Kusuma, S.H. Apa yang dihuraikan dalam buku ini hanyalah bersifat pengantar. Ia hanya menghuraikan beberapa pengertian asas untuk menjadi sandaran dalam mempelajari hukum waris adat di pelbagai daerah di Indonesia. Di dalam buku ini juga, dijelaskan tentang Pancasila dalam hubungannya dengan asas hukum pusaka adat. Pada dasarnya, hukum pusaka adat sebagaimana hukum adat itu sendiri dapat dihayati dan diamalkan sesuai dengan falsafah hidup Pancasila. Pancasila dalam hukum pusaka adat merupakan pangkal tolak berfikir dan memikirkan, serta penggarisan dalam proses pemusakaan, agar penerusan atau pembahagian harta pusaka itu dapat berjalan dengan rukun dan damai tanpa menimbulkan pergaduhan ke atas harta kekayaan yang ditinggalkan oleh pewaris yang telah kembali ke alam baqa.’

Pembahagian harta pusaka secara adat termasuk salah satu amalan masyarakat Indonesia. Karya ini membuka jalan bagi memperluas perbincangan berkenaan cara pembahagian harta pusaka dalam masyarakat Muslim. Pengkaji memandang perlunya perbincangan masalah di atas serta penerapannya dalam masyarakat Jawa khususnya di kecamatan Babat Jawa Timur, memandangkan majoriti penduduknya beragama Islam.

---

<sup>16</sup> H.Ahmad, <http://ahmadsamantho.wordpress.com/2011/12/16/tidak-ada-ahli-waris-pengganti-dalam-hukum-islam-iii/>, 16 Disember 2011.

*“TINJAUAN HUKUM TENTANG HAK JANDA DALAM PEMBAHAGIAN WARISAN MENURUT HUKUM ADAT JAWA: STUDI KASUS DI PENGADILAN NEGERI SUKOHARJO”* telah dikaji oleh Nur Hidayati. Dari hasil kajian tersebut, beliau mendapati bahawa dalam hukum adat Jawa, seorang janda yang telah lama hidup bersama dengan suami dan telah memperoleh keturunan, maka janda berhak mendapat bahagian atas harta kekayaan yang ditinggalkan suami. Adapun besar bahagian yang diterima adalah jika janda tersebut mempunyai anak yang belum dewasa maka harta peninggalan suami dapat dikuasai sepenuhnya oleh janda tersebut dengan syarat harta tersebut digunakan untuk keperluan sehari-hari untuk menyara dirinya dan juga anak-anaknya. Tetapi, setelah anak tersebut dewasa atau telah berkeluarga, maka harta peninggalan suami harus dibahagikan sama rata antara janda dan anaknya; ertinya anak dan janda tersebut mendapat bahagian yang sama banyak. Sedangkan pelaksanaan pembahagian warisan bagi seorang janda di Pengadilan Negeri Sukoharjo adalah, jika pihak-pihak yang bersengketa memutuskan mengakhiri sengketa dengan melakukan perdamaian, maka pihak Pengadilan Negeri tidak berhak masuk campur dalam menentukan besarnya bahagian warisan. Hal ini bererti bahawa pihak-pihak yang bersengketa lebih memilih menggunakan peraturan atau adat istiadat yang berlaku dalam masyarakat. Dalam hal ini, Pengadilan Negeri hanya berperanan dalam mengesahkan akta perdamaian yang telah dibuat dan disetujui oleh para pihak yang bersengketa. Sedangkan pada kes yang berakhir dengan keputusan, maka hakim Pengadilan Negeri Sukoharjo dalam memutuskan sengketa tersebut tetap berpandukan pada peraturan perundangan yang berlaku yang relevan dengan sengketa yang terjadi.<sup>17</sup>

---

<sup>17</sup> Nur Hidayati (2008), *Tinjauan Yuridis tentang Hak Janda dalam Pembagian Warisan Menurut Hukum Adat Jawa Studi Kasus di Pengadilan Negeri Sukoharjo*, (Tesis, Fakultas Hukum Universiti Sebelas Maret Surakarta).



Kajian ini hanya mengkaji status janda secara khusus dalam pembahagian harta pusaka secara adat di Jawa. Ia masih memerlukan pendedahan dan kajian yang lebih lanjut serta terperinci seperti hak anak angkat dalam adat masyarakat Jawa.

*“KEDUDUKAN ANAK ANGKAT MENURUT HUKUM WARIS ADAT BALI”*

dikaji oleh Mery Wanyi Rihi, S.H dan hasil penelitian menunjukkan bahawa perkembangan anak yang diangkat tidak dimestikan dari puak sendiri. Hal ini disebabkan alasan pengangkatan anak selain untuk mendapatkan keturunan juga dilandasi oleh rasa kemanusiaan dan untuk kesejahteraan si anak. Apabila anak yang diangkat itu merupakan anak perempuan, maka statusnya diubah menjadi anak laki-laki dalam hal menerima harta warisan orang tuanya. Proses pengangkatan anak dilakukan oleh masyarakat dengan upacara adat. Peranan pejabat umum dalam hal ini adalah jurucatat diganti oleh ketua desa dalam membuat surat akuan sebagai bahan bukti tertulis adanya pengangkatan anak bagi masyarakat setempat. Hubungan kekeluargaan anak angkat dengan orang tua kandungnya putus dan dia memasuki kekerabatan orang tua angkatnya. Kedudukan anak angkat dalam keluarga orang tua angkatnya adalah sebagai anak kandung, sehingga berfungsi sebagai pelanjut keturunan dan berkedudukan sebagai ahli waris. Dengan ketentuan bahawa anak angkat dari puak sendiri mewarisi semua harta warisan orang tua angkatnya termasuk harta pusaka. Sebaliknya, anak angkat bukan dari puak sendiri hanya mewarisi harta guna kaya (harta pencarian) orang tua angkatnya, manakala harta pusaka kembali kepada asalnya. Anak angkat tersebut tidak berhak mewarisi harta peninggalan dari orang tua kandungnya oleh kerana hubungan kekeluargaannya telah terputus.<sup>18</sup>

---

<sup>18</sup> Mery Wanyi Rihi (2006), *Kedudukan Anak Angkat Menurut Hukum Adat Bali Studi Kasus di Kelurahan Sesetan Kecamatan Denpasar Selatan, Kota Denpasar dan Pengadilan Negeri Denpasar* (Tesis, Fakulti Hukum, Universiti Diponegoro Semarang)

Kajian ini dapat memudahkan penulis dalam menjelaskan hal berkenaan hak pembahagian harta pusaka anak angkat dalam masyarakat Jawa. Walau bagaimanapun, masyarakat Bali memiliki budaya yang unik. Kajian di atas dapat dijadikan sebagai bahan perbandingan bagi memudahkan penulis dalam mengkaji pembahagian masyarakat Muslim di Kecamatan Babat.

*“MEMBAHAGI WARISAN BERDASARKAN PASAL-PASAL HUKUM PERDATA BW”*<sup>19</sup> telah ditulis oleh Anisitus Amanat. Dibincangkan dalam buku tersebut bahawa sebagaimana ketentuan pasal 272KUHP yang menyatakan bahawa tiap-tiap anak yang dihasilkan di luar perkahwinan yang kemudian berkahwinnya ibu bapanya akan menjadi anak sah apabila kedua orang tuanya itu sebelum berkahwin telah mengakuinya menurut ketentuan undang-undang atau pengakuan itu dilakukan dalam akta perkahwinan sendiri (perkahwinan kedua orang tuanya). Perbezaan status antara anak luar nikah yang telah disahkan tampak jelas bila diadakan pembahagian harta pusaka. Hak anak luar nikah yang telah diakui sah atas harta pusaka orang tua yang mengakuinya sentiasa lebih kecil jika dibandingkan dengan hak anak sah.<sup>20</sup>

Idris Ramulyo dalam bukunya *“PERBANDINGAN HUKUM KEWARISAN ISLAM DENGAN KEWARISAN KITAB UNDANG-UNDANG HUKUM PERDATA”* telah menjelaskan bahawa persamaan dan berbezaan hukum pusaka Islam dengan Kitab Undang-undang Hukum Perdata (KUHP) adalah *pertamanya*, tentang penggolongan ahli waris. Kedua-dua sistem tersebut sama-sama terdiri dari empat penggolongan ahli waris. *Kedua*, tentang bahagian pusaka untuk anak-anak. Mengikut KUHP, anak-anak

---

<sup>19</sup> BW adalah kependekan dari *Burgerlijk Wetboek* ia merupakan kitab undang-undang yang dikuat kuasakan pada 6 Julai 1830 oleh Kerajaan Belanda. Dan apabila Belanda menjajah Indonesia, maka undang-undang ini diterapkan yang kemudian dikenali dengan istilah BWI (*Burgerlijk Wetboek voor Indonesie*) atau dalam istilah Indonesia dengan Kitab Undang-undang Hukum Perdata (KUHP). Lihat, <http://rgs-artikel-hukum.blogspot.com>, sejarah-singkat-hukum-perdata-indonesia.html, 12 Januari 2012

<sup>20</sup> Anisitus Amanat (2003), *Membagi Warisan Berdasarkan Pasal-pasal Hukum Perdata BW*, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.

mendapat bagian yang sama banyaknya sama ada lelaki mahupun perempuan, sedangkan mengikut hukum Islam anak lelaki mendapatkan dua kali bahagian anak perempuan. *Yang ketiga*, tentang kedudukan orang tua dan saudara-saudara. Mengikut KUHP dibezakan antara saudara kandung dengan saudara seayah dan saudara seibu. Di mana harta pusaka dibahagikan menjadi dua bahagian terlebih dahulu dan daripada kedua-dua bahagian itu, saudara kandung mendapat bahagian dua kali iaitu mendapat bahagian dari sebelah bapa dan bahagian dari sebelah ibu. *Keempat*, tentang kedudukan orang tua dengan duda atau janda. Mengikut KUHP, bahagian janda atau duda sama besarnya dengan bahagian anak-anak, dan mereka boleh menghalangi orang tua (ibu bapa) dalam mewaris. Sedangkan mengikut hukum Islam, duda dan janda tidak terhalangi dan tidak boleh menghalangi ahli waris, jadi orang tua boleh mewaris bersama-sama dengan duda atau janda, bahkan bersama dengan anak-anak beserta keturunannya. *Kelima*, tentang ahli waris pengganti. Kedua-dua sistem itu sama-sama mengiktiraf ahli waris pengganti atau *mawali*, apabila ada anak yang seharusnya mendapat bahagian harta peninggalan akan tetapi telah meninggal dunia. Maka anaknya (keturunannya) akan menggantikan kedudukannya atau *mawali*. Perbezaannya mengikut KUHP cucu lelaki mahupun perempuan dan sama ada dari anak lelaki mahupun anak perempuan mendapat bahagian sama besar dengan anak-anak yang lain. Sedangkan mengikut hukum Islam cucu dari anak lelaki boleh mewaris jika tidak ada anak lelaki. Bahagiannya lelaki dua kali bahagian perempuan. *Keenam*, tentang datuk dan nenek.<sup>21</sup>

Eman Suparman dalam bukunya “*HUKUM WARIS INDONESIA DALAM PERSPEKTIF ISLAM, ADAT DAN BW*”, beliau mengatakan bahawa hukum pusaka yang berlaku di Indonesia sehingga saat ini masih bersifat pluralistik. Artinya bermacam-macam sistem hukum pusaka berlaku bersama-sama dalam masa dan tempat

---

<sup>21</sup> Idris Ramulyo (2004), *Perbandingan Hukum Kewarisan Islam dengan Hukum Kewarisan Kitab Undang-undang Hukum Perdata*. Jakarta: Sinar Grafika.

yang sama. Ini terbukti dengan masih berlakunya hukum pusaka Islam, hukum pusaka adat dan hukum pusaka BW secara bersama-sama. Di samping itu, dalam hukum pusaka adat juga masih menunjukkan adanya perbezaan-perbezaan pengaturan hukum pusaka. Hal tersebut berkaitan dengan adanya sistem kekeluargaan yang dianuti oleh masyarakat di Indonesia, iaitu *patrilineal*, *matrilineal* dan *bilateral parental*. Walaupun ketiga-tiga hukum pusaka itu mempunyai persamaan iaitu proses pewarisan terjadi oleh peristiwa hukum yang sama iaitu kematian, beliau juga menyebutkan beberapa perbezaannya, di antaranya dalam hal harta peninggalan yang dapat diwarisi oleh ahli waris. Dalam hal ini hukum adat sependapat dengan hukum Islam iaitu harta yang boleh diwarisi oleh ahli waris adalah seluruh harta benda setelah ditolak pembayaran hutang, urusan pengebumian, dan segala sesuatu kewajiban waris yang belum ditunaikan semasa dia hidup. Berbeza dengan hukum pusaka BW di mana harta peninggalan tidak hanya berupa hak-hak yang bermanfaat tetapi juga segala hutang beserta kewajiban waris yang belum sempat dipenuhi semasa hidupnya. Perbezaan yang paling prinsipal mengikut ketentuan hukum pusaka Islam, anak lelaki menerima dua kali bahagian dari bahagian anak perempuan. Sedangkan mengikut Hukum Pusaka Adat dan Hukum Pusaka BW, anak lelaki dan anak perempuan sebagai ahli waris bahagian mereka tidak dibezakan.<sup>22</sup>

Ketiga-tiga buku yang terakhir di atas membahas tentang pembahagian hukum pusaka berdasarkan Islam yang merujuk kepada al-Qur'an dan Hadith serta hubungannya dengan pembahagian hukum pusaka berdasarkan adat dan Kitab Undang-undang Hukum Perdata (KUHP). Buku-buku tersebut berbentuk teoritikal, dan penulis memandang perlunya kajian di lapangan pula tentang sejauh manakah masyarakat Kecamatan Babat menerapkannya dalam cara pembahagian harta pusaka, terutamanya

---

<sup>22</sup> Eman Suparman (2007), *Hukum Waris Indonesia Dalam Perspektif Islam, Adat, dan BW*, c. 2., Bandung: PT Refika Aditama.

yang melibatkan penyelesaian kes-kes berkenaan pembahagian harta pusaka di Peradilan Agama.

*“MENOLAK WARISAN MENURUT HUKUM PERDATA BARAT DAN HUKUM ISLAM”* telah ditulis oleh Letezia Tobing. Pada dasarnya, menurut Hukum Perdata Barat, seseorang dapat menerima mahupun menolak warisan yang jatuh kepadanya, sebagaimana dikatakan dalam Pasal 1045 Kitab Undang-Undang Hukum Perdata yang berbunyi: *“Tiada seorang pun diwajibkan untuk menerima warisan yang jatuh ke tangannya.”*. Dalam hal seseorang menolak warisan yang jatuh kepadanya, orang tersebut harus menolaknya secara tegas, dengan suatu pernyataan yang dibuat di Pengadilan Negeri yang dalam daerah hukumnya warisan itu terbuka (Pasal 1057 KUHP). Penolakan warisan tidak dapat dilakukan hanya untuk sebagian harta warisan, ini kerana penolakan warisan tersebut mengakibatkan orang tersebut dianggap tidak pernah menjadi ahli waris (Pasal 1058 KUHP). Dengan dianggap tidak pernah menjadi ahli waris, maka orang tersebut tidak berhak atas harta warisan. Sedangkan dalam hukum Islam, Letezia Tobing menyebut dua pandangan. Yang pertama: dalam hukum pusaka Islam tidak ada hak untuk ahli waris menolak harta pusaka, kerana hal tersebut sesuai dengan asas pusaka hukum Islam bersumberkan al-Qur’an dan al-Hadis iaitu asas *ijbari* yang mengandungi maksud bahawa peralihan harta dari seorang yang meninggal dunia kepada ahli warisnya berlaku dengan sendirinya menurut ketetapan Allah tanpa digantungkan kepada kehendak pewaris atau ahli warisnya. Pendapat yang kedua: mengatakan bahawa dalam hukum waris Islam ada yang dinamakan *takharuj* iaitu suatu perjanjian yang diadakan oleh para ahli waris, bahawa ada di antara mereka yang menolak tidak menerima harta pusaka. Suatu perjanjian mestilah dibuat walaupun ahli waris yang menolak itu telah dengan redha dan ikhlas menyerahkan bahagiannya kepada ahli waris lainnya. Hal ini sangat penting, supaya tidak sampai terjadinya

persengketaan di kemudian hari. Dari pendapat-pendapat di atas, beliau menyimpulkan bahawa dalam hukum pusaka Islam, ahli waris tidak boleh menolak warisan. Namun, penolakan warisan oleh ahli waris dapat dilakukan jika disetujui oleh para ahli waris dan memang penarikan diri tersebut atas dasar keredhaan dan niat yang baik.<sup>23</sup>

Pada tahun 2006, pernah dibuat kajian di Peradilan Agama yang dilakukan oleh Suhartono, akan tetapi hanyalah menyentuh berkenaan masalah penggunaan Fekah Muamalah dalam perspektif asas hukum.<sup>24</sup>

Kajian ini menyentuh pelaksanaan bidang Fekah Muamalah di Peradilan Agama, sedangkan bidang hukum pusaka juga penting untuk dikaji kerana ia bersentuhan dengan masyarakat secara langsung. Beberapa buku dan bahan di atas juga masih bersifat umum, dan pengkaji merasa perlu adanya kajian khas tentang penerapan hukum pusaka Islam di Kecamatan Babat Lamongan Jawa Timur Indonesia yang merupakan kampung kepada pengkaji disertasi ini.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Sehingga kini, pengaturan berkenaan masalah pusaka di Indonesia tidak dapat diselaraskan, disebabkan adanya beberapa sistem hukum pusaka iaitu Hukum Pusaka Adat, Hukum Pusaka Berdasarkan Kitab Undang-undang Hukum Perdata (KUHP), Hukum Pusaka Islam, serta hukum pusaka mengikut mazhab Hazairin. Kajian ini akan membahaskan tentang penerapan masyarakat Muslim Kecamatan Babat dalam hal pembahagian harta pusaka bagi membuktikan dalam pelaksanaan mereka terhadap

---

<sup>23</sup> Letezia Tobing, <http://www.hukumonline.com/klinik/detail/lt50de30cdc8292/menolak-warisan-menurut-hukum-perdata-barat-dan-hukum-islam>. 20/02/2013.

<sup>24</sup> Suhartono S.A.g, SH., MH. (2007), *Penggunaan Fikah Muamalah Sebagai Dasar Penyelesaian Sengketa Ekonomi Syariah di Pengadilan Agama: Suatu Kajian dalam Perspektif Asas Hukum*. [http://www.badilag.net/data/ARTIKEL/sengketa%20ekonomi%20syariah\\_suhartono.pdf](http://www.badilag.net/data/ARTIKEL/sengketa%20ekonomi%20syariah_suhartono.pdf). 25/10/2008

masalah berkenaan sama ada membahagikan secara Islam atau sebaliknya. Kajian ini juga akan mendedahkan ajaran Hazairin dan pengaruhnya dalam masyarakat di Kecamatan Babat, serta untuk mengenalpasti perbandingan di antara Hukum Pusaka Adat, Hukum Pusaka Islam dan Hukum Pusaka mengikut mazhab Hazairin.

### **1.6 Skop Kajian**

Sebagaimana telah disebutkan dalam latar belakang kajian, bahawa di Indonesia terdapat banyak hukum pusaka yang diamalkan oleh masyarakatnya. Akan tetapi, dalam kajian ini pembahasan dan kajian hanya akan dilakukan pada hukum pusaka Islam, hukum pusaka adat dan hukum pusaka mengikut pandangan Hazairin. Juga praktikaliti masyarakat Muslim pada ketiga-tiga hukum pusaka tersebut.

Kajian juga akan melibatkan Peradilan Agama Lamongan sebagai rujukan masyarakat Muslim dalam menyelesaikan masalah pembahagian harta pusaka jika terjadi persengketaan dalam menjalankan pembahagian harta pusaka tersebut.

Kajian ini pula dijalankan di Kecamatan Babat, salah satu kecamatan yang berada di Kabupaten Lamongan Jawa Timur Indonesia.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Metode kajian akan membantu memberi gambaran yang lebih luas dan jelas dalam menjalankan penyelidikan. Ia juga membantu dalam memperolehi maklumat-maklumat yang diperlukan bagi menghasilkan kajian ini.

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menghuraikan berkenaan metodologi pelaksanaan penyelidikan, yang mana ia mencakupi perincian tentang metode pengumpulan data. Setelah data diperolehi, maka selanjutnya akan dilakukan metode analisis data. Perinciannya adalah sebagaimana berikut:

### **1.7.1 Metode Pengumpulan Data**

Metode ini digunakan dalam usaha untuk mengumpulkan fakta-fakta dalam menyelesaikan penyusunan kajian ilmiah ini. Dalam hal ini, ia menggunakan metodologi perpustakaan (*library research*), dengan menganalisis semua data-data yang berhubungkait dengan penyelidikan. Dalam proses pengumpulan data, metode yang digunapakai adalah,

#### **1. Metode Dokumentasi**

Bagi mendapatkan maklumat tentang jenis-jenis hukum pusaka di Indonesia, pengkaji merujuk kepada beberapa sumber seperti buku-buku yang telah diterbitkan serta beberapa artikel. Bagi mengetahui hukum pusaka Islam dan dasar hukum pusaka Islam pula, pengkaji merujuk kepada al-Qur'an, Hadis Nabi dan beberapa kitab Arab sama ada kitab klasik mahupun kontemporari. Bagi mengetahui hukum pusaka Adat, pandangan Hazairin dan kaum liberal dalam pembaharuan hukum pusaka, pengkaji merujuk pada buku yang telah diterbitkan, kertas kerja yang telah diterbitkan dan juga laman web (perkhidmatan internet) bagi mendapatkan isu semasa berkenaan pembaharuan-pembaharuan hukum pusaka.



Data dari peradilan agama pula, pengkaji memperolehi data tentang kedudukan dan tugas utama peradilan agama Lamongan serta kepentingannya, iaitu bertugas untuk memeriksa, memutuskan dan menyelesaikan perkara pada tahap pertama antara orang-orang beragama Islam di bidang perkahwinan, pusaka, wasiat, hibah, wakaf, zakat, infak, sedekah, dan ekonomi Syari'ah. Selain itu pengkaji juga mendapatkan data tentang prosedur kemasukan kes ke mahkamah, persidangan, hinggalah kepada keputusan hakim terhadap kes tersebut. Juga contoh-contoh kes yang telah berhasil diselesaikan di peradilan agama. Adapun kedudukan geografi, sosial budaya dan sosial ekonomi masyarakat Babat (tempat kajian ini dijalankan) pengkaji mendapatkan data tersebut daripada pejabat Kecamatan Babat.

## 2. Metode Temubual

Untuk mendapatkan maklumat tambahan yang tidak diperolehi dari buku dan laman web, maka pengkaji menggunakan metode ini, antaranya berkenaan sebab-sebab orang membawa masalah pembahagian harta pusaka ke peradilan Agama dan bentuk-bentuk putusan terhadap kes yang diajukan ke peradilan Agama. Temubual telah dilakukan dengan Encik Imam Arifin, sebagai wakil panitera dan juga Encik Edi Yusuf, peguam dan konsultan hukum.

Temubual terhadap beberapa orang dari masyarakat untuk menjelaskan berkenaan Hukum Pusaka Adat yang berlaku dan diamalkan sebahagian masyarakat Muslim Kecamatan Babat juga turut dilakukan. Manakala temubual kepada beberapa penduduk Muslim untuk mendapatkan maklumat secara terperinci berkenaan pelaksanaan hukum pusaka Islam, adat dan hukum pusaka mengikut pandangan Hazairin juga dilaksanakan. Dalam hal ini penulis telah melakukan beberapa hal:

1. Menemubual beberapa orang penduduk kecamatan Babat yang terpilih, yang telah melakukan pembahagian harta pusaka dalam keluarga mereka. Dan penulis

telah ditemubual sebanyak 25 orang untuk mendapatkan maklumat tentang pembahagian harta pusaka.

2. Temubual dilakukan secara terancang dengan menggunakan catatan, yang kemudian dipindahkan dalam bentuk penulisan.
3. Soalan yang terancang disediakan terlebih dahulu, di samping itu juga, terdapat soalan spontan yang digunakan akibat daripada jawapan yang diberikan oleh orang yang ditemubual.

### **1.7.2 Metode Analisis Data**

#### **1. Metode Induktif**

Metode ini adalah cara untuk menganalisis data dengan membuat kesimpulan dari maklumat yang bersifat khusus untuk merumuskan satu kesimpulan yang berbentuk umum. Pengkaji menggunakan metode ini dalam meneliti data-data penyelesaian kes pembahagian harta pusaka di peradilan agama sehingga pengkaji dapat memperoleh suatu kesimpulan dari data-data yang diperoleh dalam kajian ini.

#### **2. Metode Deduktif.**

Metode ini merupakan cara untuk menghuraikan satu masalah dengan terperinci. Ia dilakukan dengan menggunakan data-data dan contoh-contoh yang dijelaskan, dan ia juga merupakan suatu pendekatan bersifat umum pada kesimpulan yang khusus. Penulis menggunakan metode ini untuk menyimpulkan pelaksanaan masyarakat Muslim di Kecamatan Babat dalam membahagikan harta pusaka mereka.

#### **3. Metode Komparatif**

Metode ini digunakan untuk membuat satu kesimpulan melalui perbandingan terhadap data-data dan fakta yang diperoleh. Pendekatan metode ini telah pengkaji gunakan dalam membandingkan data-data yang diperoleh untuk menghasilkan kesimpulan. Pengkaji menggunakan metode ini untuk menganalisis bentuk perbezaan

antara hukum pusaka adat dengan hukum pusaka Islam, dan antara hukum pusaka Islam dan hukum pusaka mengikut pandangan Hazairin.

### **1.8 Sistematika Penulisan**

Agar kajian ini tersusun secara sistematik, pengkaji akan menyenaraikan berkenaan pendahuluan sehinggalah penutup kepada kajian ini. Kajian ini terdiri daripada lima bab. Kajian ini dimulakan dengan pendahuluan. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kajian lepas, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, dan sistematika penulisan.

Bab kedua pula menghuraikan tentang hukum pusaka berdasarkan faraid meliputi pembahasan tentang rukun pewarisan, sebab dan syarat-syarat pewarisan serta perkara-perkara yang menghalangi pusaka mempusakai. Setelah menghuraikan pembahasan di atas, penulis juga mengambil kira pandangan para ulama.

Bab ketiga membincangkan tentang harta pusaka konvensional iaitu pelaksanaan pembahagian harta pusaka mengikut aliran kelompok atau adat masyarakat tertentu.

Bab keempat akan menganalisis berkenaan pembahagian harta pusaka Islam di Kecamatan Babat. Pertama, analisis di peradilan Agama, dan yang kedua menumpukan analisis terhadap cara pembahagian harta pusaka masyarakat Muslim Kecamatan Babat.

Bab kelima iaitu bab kesimpulan yang mengandungi, kesimpulan, cadangan, dan juga bibliografi.